

Perbuatan manusia beri kesan kepada alam sekitar

UM (MEGA) - 20
27/10

MASYARAKAT di negara ini diingatkan bahawa setiap apa yang mereka lakukan mempunyai kesan kepada alam sekitar sama ada yang baik mahu pun sebaliknya.

Kadangkala kita lupa bahawa tindakan yang dilakukan dalam mengejar pembangunan boleh mengundang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar dan seterusnya menjejaskan keindahan dan kebersihan alam sekitar.

Pencemaran air, udara, bunyi bising atau pelupusan buangan sisa toksik yang tidak teratur boleh diatasi sekiranya kita sebagai anggota masyarakat sedar akan kepentingan alam sekitar dan tanggungjawab masing-masing.

Justeru, menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar**, kementeriaannya menerusi Jabatan Alam Sekitar



MOHAMAD HASAN (dua dari kanan) bersama **Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** (kiri) menerima sijil *Malaysia Book of Records* kutipan e-waste terbanyak selepas perasmian sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat Kebangsaan Tahun 2017 di Bandar Sri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sebagai usaha berterusan kerajaan untuk menerap dan meningkatkan

kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia. "Saya berasa amat gembira kerana usaha kerajaan ini telah

mula menampakkan hasilnya apabila isu-isu mengenai alam sekitar mula diberi perhatian oleh masyarakat.

"Alam sekitar merupakan antara lima elemen utama yang difokuskan bawah TN50 selain masyarakat, ekonomi, teknologi dan urus tadbir," ujarnya dalam perutusan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) di Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Hadir sama Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri.

Menurutnya, sambutan HASN pada tahun ini merupakan kali kedua diadakan semenjak ia dijenamakan semula daripada sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia.

Menurutnya, pada tahun ini, tema sambutan HASN adalah *Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama* yang merupakan kesinambungan tema tahun sebelumnya.

"Tujuan tema ini dikekalkan kerana kerajaan ingin terus

memupuk sikap tanggungjawab dalam kalangan seluruh rakyat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tema ini juga membawa makna bahawa perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar secara bersama oleh setiap lapisan masyarakat

Beliau berkata, kementeriaannya akan terus memperkasa peranan dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan pembangunan lestari tanpa mengabaikan kepentingan perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Masyarakat katanya, boleh memainkan peranan sama ada menjalankan atau menyertai aktiviti dan program berkaitan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Ini termasuklah menjadi warga yang prihatin dengan menyalurkan aduan berkaitan alam sekitar kepada pihak yang berwajib.